

Malaysia teruskan lonjakan perdagangan, pelaburan

Negara di landasan tepat pacu ekonomi ke tahap lebih baik

Oleh Alzahrin Alias
azahrin@bh.com.my

Malaysia berada di landasan tepat untuk merealisasikan usaha negara menarik lebih banyak pelajaran dan perdagangan, seterusnya melonjakkan ekonomi negara ke tahap lebih baik.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata ia adalah berdasarkan lata positif lonjakan perdagangan negara pada separuh pertama 2024 dan jumlah pelaburan diluluskan setakat suku pertama.

Pada separuh pertama 2024, perdagangan meningkat 8.4 peratus kepada RM1.396 trillion berbanding tempoh sama tahun lalu.

Pelaburan diluluskan pula berada pada RM83.7 billion dalam empoh tiga bulan pertama 2024, iaitu 13 peratus berbanding RM41.1 billion yang dicatatkan sepanjang tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menyasarkan peningkatan lima peratus dalam pelaburan diluluskan pada tahun ni melebihi RM329.5 billion pada

tahun lalu.

"Kita sebenarnya sudah melepas pasaran pelaburan ini pada suku pertama. Jika perlu kita akan semak semula perkara ini dan terus memantaunya kerana ia bergantung kepada tiga sektor ekonomi, termasuk pembuatan.

"Sasarannya pertumbuhan itu juga selari dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)," katanya pada sesi soal jawab selepas taklimat kad laporan suku kedua MITI di Kuala Lumpur, semalam.

Pengukuran ringgit

Ketika ditanya adakah pengukuran ringgit akan memberi kesan kepada prestasi perdagangan dan pelaburan negara, Tengku Zafrul berkata, ringgit bukan satu-satunya tonggak utama dalam penilaian pelabur.

Beliau berkata, banyak tonggak utama lain yang kekal mempunyai daya tarikan dan menarik minat pelabur global.

Pelabur katanya, akan mempertimbangkan prospek jangka panjang dan sesuatu yang menjadi sandaran dalam membuat keputusan mereka.

Kita sebenarnya sudah melepas pasaran pelaburan ini pada suku pertama. Jika perlu kita akan semak semula perkara ini dan terus memantaunya kerana ia bergantung kepada tiga sektor ekonomi, termasuk pembuatan

Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz,
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri

tusun mereka.

Jika melabur dalam pasaran modal katanya, turun naik ringgit akan memberikan kesan yang penting.

Namun, dalam pelaburan langsung asing (FDI), penentuan prestasi ringgit adalah agak berbeza.

Bila pelabur asing buat keputusan melabur katanya, ia akan mengambil masa sekitar dua tahun lebih untuk melihat kesannya.

"Sekiranya jatuh melebihi 10 peratus, sudah tentu ia akan menjadi keimbangan kerana kebanyakannya pelabur kerana ada kos dalam ringgit dan ada kos dalam dolar Amerika Syarikat (AS).

"Ia juga bergantung kepada sektor yang terbabit juga. Namun, semua ini akan diimbangi oleh eksport.

"Kerana eksport adalah dalam dolar AS. Secara dasarnya ia tidaklah membimbangkan.

"Itulah sebabnya kita dapat melihat bahawa lebihan perdagangan kita membantu kerana kita mengeksport lebih banyak daripada kita mengimport. FDI adalah untuk pelaburan jangka panjang," katanya.



Prestasi Perdagangan Malaysia Januari-Jun 2024*

PERDAGANGAN	EKSPORT	IMPORT	LEBIHAN DAGANGAN
RM1.396 trillion ↑ 8.4%	RM731.11 billion ↑ 3.9%	RM664.99 billion ↑ 13.8%	RM66.12 billion ↓ 44.5%

Perdagangan bagi tempoh pertama tahun 2024 catat nilai tertinggi



* Perubahan pada Januari-Jun 2024 berbanding Januari-Jun 2023

** Syer daripada jumlah eksport/import

Note: Jumlah tidak semestinya ter hasil disebabkan pembundaran.

Sumber: DOSM